



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MATLAMAT MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA BERTEKNOLOGI TINGGI MENJELANG TAHUN 2030

17 Oktober 2021, PUTRAJAYA- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyambut baik pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada acara pembukaan Invest Malaysia 2021 baru-baru ini untuk menjadikan Malaysia negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030. Menurut YAB Perdana Menteri, kerajaan menyasarkan untuk mewujudkan satu ekosistem dalam ekonomi yang diterajui sains, teknologi dan inovasi yang akan memudahkan pembangunan teknologi tempatan dengan mewujudkan peluang ekonomi dan melahirkan bakat atau tenaga kerja dalam bidang Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), Internet Benda (*Internet of Things*), dan Teknologi *Blockchain*.

Sasaran yang diumumkan YAB Perdana Menteri adalah selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030. Untuk makluman, Malaysia telah menunjukkan perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang pesat daripada RM204 bilion (1991) ke RM1.34 trilion (2020) hasil pelaksanaan berkesan pelbagai dasar negara. Ini termasuklah DSTIN 2021-2030 yang menyasarkan pembangunan ekonomi, peningkatan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat dalam usaha mencapai status negara berteknologi tinggi pada tahun 2030.

Pengukuhan ekosistem sains, teknologi dan inovasi termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) menjadi antara fokus utama DSTIN bagi mencapai sasaran 2.5% nisbah perbelanjaan kasar R&D (GERD) terhadap KDNK pada tahun 2025 dan 3.5% pada tahun 2030. Usaha ini disokong oleh penjajaran bidang keutamaan R&D negara dengan memberi tumpuan kepada penyelidikan eksperimental, selain inisiatif-inisiatif kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya termasuk *Technology Commercialisation Accelerator* dan *Malaysia Science Endowment* yang akan memacu usaha-usaha pembangunan dan pengaplikasian teknologi tempatan dalam kalangan pemain industri, seterusnya membantu negara mendepani Revolusi Perindustrian Keempat.

Untuk makluman, MOSTI sedang membangunkan 17 pelan hala tuju (*roadmap*) teknologi antaranya kecerdasan buatan, *blockchain*, elektrik dan elektronik, bahan termaju, robotik dan vaksin. Pelan hala tuju ini adalah selaras dengan 10 pemacu sains dan teknologi dan 10 pemacu sosioekonomi seperti yang terdapat dalam Rangka Kerja 10-10 MySTIE.

Antara sasaran MOSTI adalah untuk menjadi negara pengeluar vaksin, menjana RM600 bilion potensi pulangan perdagangan bagi sektor elektrik dan elektronik pada tahun 2025, memberi sumbangan signifikan kepada KDNK melalui bidang-bidang yang telah dikenal pasti, mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta pewujudan 5,000 syarikat pemula (*startups*) menjelang tahun 2025.

Bagi memperkasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE), MOSTI juga menyediakan peruntukan pembiayaan dana R&D sebanyak RM500 juta sepanjang RMK-12 menerusi *Malaysia Grand Challenge* (MGC). MGC merupakan usaha bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan,

pengkomersialan dan inovasi negara yang menuntut penyelesaian yang berimpak tinggi berpaksikan rakyat dan seterusnya memberi manfaat kepada sosioekonomi Keluarga Malaysia.

Selain itu, menerusi RMK-12, MOSTI menyasarkan 500 bilangan produk atau penyelesaian yang dikomersialkan melalui *National Technology and Innovation Sandbox* dan Tahun Pengkomersialan Malaysia bagi meningkatkan pendapatan negara. Untuk makluman, dalam tempoh 2016 hingga 2020, sebanyak RM402 juta hasil jualan telah direkodkan daripada 386 produk R&D yang berjaya dikomersialkan. Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta 2021-2025 yang dibiayai oleh kerajaan akan mempergiatkan aktiviti pengkomersialan harta intelek dan reka cipta.

Pendekatan *whole of nation* turut diadaptasi MOSTI dalam pembangunan bakat dan penciptaan peluang pekerjaan dalam bidang-bidang teras seperti Kecerdasan Buatan, Internet Benda serta Teknologi *Blockchain*. Tumpuan kepada pemerksaan dan pembudayaan bakat STI serta penyelidikan pembangunan eksperimental adalah bagi memastikan ketersediaan bakat dan pakar bagi mencapai sasaran 130 bilangan penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh menjelang tahun 2025.

MOSTI juga giat menjalankan inisiatif pembangunan usahawan inovasi menerusi pewujudan Ruang Reka STIE komuniti di seluruh negara bagi melahirkan lebih banyak individu yang kreatif dan inovatif. Program kerjasama pintar bersama akademia dan industri ini diyakini akan memanfaatkan lebih daripada 15,000 peserta.

Selain itu, melalui *Malaysia Startup Ecosystem Roadmap (SUPER) 2021-2030*, MOSTI komited menyokong ekosistem *startup* secara holistik dan mampan.

Menerusi SUPER, Cradle Fund Sdn. Bhd. diberi mandat sebagai agensi tunggal (*focal point*) yang menguruskan ekosistem pembangunan *startup* dari fasa permulaan sehingga pertumbuhan untuk meningkatkan daya saing *startup* tempatan di peringkat antarabangsa, dan memberi sokongan kepada syarikat pemula perniagaan dengan sasaran lima syarikat berstatus *unicorn* menjelang 2025. Untuk makluman, Cradle juga ketika ini sedang membangunkan platform MyStartup yang bertujuan untuk menyelaras serta menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh dan inklusif kepada *startup*.

MOSTI optimis dalam melaksanakan dan menjayakan dasar dan inisiatif yang digariskan bagi meletakkan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI DR. ADHAM BABA

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

17 Oktober 2021

-TAMAT-